

Parit tak diselenggara

Punca banjir di kawasan Dun Kota Alam Shah berulang

KOTA ALAM SHAH - Hujan lebat yang berlarutan selama beberapa jam menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Dewan Undangan Negeri (Dun) Kota Alam Shah di sini, sekali lagi ditenggelami air, semalam.

Kawasan terjejas adalah kawasan sama pernah ditenggelami air sebelum ini iaitu di Taman Palm Grove, kawasan di belakang Asrama Yayasan Selangor di Jalan Datuk Amar dan Lorong Besi di Taman Melawis.

Malah dua sekolah turut ditenggelami air iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Simpang Lima dan Sekolah Menengah Tengku Ampuan Rahimah (STAR) sehingga sesi pembelajaran di kedua-dua sekolah berkenaan terpaksa dibatalkan.

Penolong Penyelaras Parti Gerakan Dun Kota Alam Shah, Datuk Zainal Abidin Mohd Tahar ketika turun padang meninjau kejadian itu berkata, hujan lebat ini adalah kali kedua yang disifatkan agak teruk terjejas.

"Pada raya kedua, hujan lebat juga melanda kawasan ini namun syukur limpahan air tidak berlaku.

"Sekitar jam 6.30 pagi saya menerima panggilan daripada penduduk setempat yang memaklumkan air melimpah masuk ke kediaman mereka hingga paras 0.6 meter," katanya.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) daerah Klang bahawa di Sungai Klang berlaku pasang surut air.

"Malah air laut juga surut dan apa yang kita pelik kenapa air masih bertakung dan melimpah di kawasan terbabit.



Pelajar Sekolah Kebangsaan Simpang 5 terpaksa mengharungi air untuk ke bilik darjah.

"Saya percaya, ia berlaku disebabkan masalah sistem perparitan di kawasan ini yang disyaki tidak diselenggara dengan baik," katanya.

Zainal Abidin berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM5 juta untuk kerja menaik taraf bagi menangani

masalah banjir tidak lama dahulu.

Selain itu beliau berkata, pihaknya juga akan cuba menyelesaikan masalah limpahan air di kawasan sekolah dengan memohon peruntukan daripada Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki sistem saliran di situ dengan segera.